

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 15 JULAI 2020, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 4**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1432-L09651  
**Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian dalam menangani isu gelandangan dan pelesenan semasa tempoh Pelaksanaan Kawalan Pergerakan.
  
2. PR-1432-L09529  
**Puan Yeo Bee Yin [ Bakri ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan status pelaksanaan program *Large Scale Solar* (LSS) pakej ketiga serta langkah yang diambil bagi memastikan kos penjanaan bagi program LSS@MENtARI yang baru diumumkan kekal kompetitif dan rendah.
  
3. PR-1432-L09144  
**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah kerugian pendapatan yang ditanggung industri pelancongan akibat dari impak wabak COVID-19.
  
4. PR-1432-L09587  
**Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [ Pulai ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk membuka pasaran (*open market*) benih padi sah.

5. PR-1432-L09487  
**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan untuk melakukan pindaan terhadap akta sedia ada mengenai isu pemandu mabuk yang disabitkan kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol dan dadah. Bagi kes yang menyebabkan kematian pula, apakah hukuman mati akan diperkenalkan.
6. PR-1432-L09857  
**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [ Hang Tuah Jaya ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimana status pembelajaran bagi mahasiswa di IPTA dan IPTS. Tiadakah perancangan oleh KPT dalam mengembalikan semula sesi PnP Mahasiswa agar kembali di universiti masing masing dengan pengamalan normal baharu memandangkan mahasiswa berhadapan dengan pergelutan capaian internet yang ketara sebagaimana isu yang dialami oleh rakan-rakan mahasiswa di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.
7. PR-1432-L09719  
**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk kembali meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan selepas ianya terjejas teruk akibat wabak COVID-19 dan apakah kesannya terhadap Tahun Melawat Malaysia 2020 .
8. PR-1432-L09542  
**Dr. Maszlee bin Malik [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini usaha pembaikpulihan sekolah daif di seluruh negara, terutamanya di Sabah dan Sarawak dan apakah unjuran kejayaan pelaksanaan untuk tahun 2020.
9. PR-1432-L08761  
**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam membantu petani dan pekebun kecil bagi merencanakan kembali hasil tanaman serta pendapatan mereka yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19.
10. PR-1432-L09338  
**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
  - (a) jumlah terkini penerima Skim mySalam khususnya di negeri Sarawak jika dibandingkan dengan jumlah penerima pada tahun 2019; dan

- (b) jumlah tuntutan yang telah dibuat pada tahun 2019 dan 2020 (jika ada) dan bilangan tuntutan berkaitan COVID-19.

11. PR-1432-L08729

**Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sekiranya Kementerian bercadang untuk membekalkan menara telekomunikasi di Rh. Melintang, Sg Gaat, Rh Mengga Sepulau Gaat/ Sk. Nanga Balang Sg. Gaat, Punan Biau/ Punan Sama Belaga, Nanga Merirai Baleh Kapit dan Sk Nanga Kain Baleh Kapit.

12. PR-1432-L09250

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) sama ada pemohon yang mempunyai Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM) namun tidak menjalankan sebarang perniagaan masih menerima Bantuan Prihatin Nasional; dan
- (b) sekiranya tidak, apakah langkah Kementerian dalam membantu golongan mereka ini.

13. PR-1432-L09901

**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) berapa jumlah kos dan skop kerja untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan penambahbaikan Lapangan Terbang Bintulu; dan
- (b) bila kerja-kerja penyelenggaraan dan penambahbaikan Lapangan Terbang Bintulu akan dilaksanakan dan disiapkan.

14. PR-1432-L09795

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keberkesanan '*Home-based Learning*' dan kesan PKP terhadap PnP para murid dan pelajar.

15. PR-1432-L09516

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah dan pendekatan baharu untuk memastikan belia dan mahasiswa di negara ini memperoleh pendidikan politik yang lebih baik berselaras dengan pindaan undi 18 tahun yang diluluskan.

16. PR-1432-L09819  
**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan tahap capaian internet jalur lebar mengikut negeri, serta cabaran-cabaran yang dihadapi untuk membolehkan lebih ramai penduduk menikmati internet jalur lebar.
17. PR-1432-L09335  
**Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjung Manis ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah impak secara langsung kepada Kempen Melawat Malaysia 2020 dan industri pelancongan negara akibat penularan virus COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Apakah langkah-langkah untuk memulihkan industri pelancongan dan menggalakkan pelancong untuk datang ke Malaysia, khususnya ke Sarawak.
18. PR-1432-L09112  
**Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan kesan daripada operasi pengeluaran pasir dasar laut di kawasan Pelantar Benua Malaysia susulan kelulusan lesen pasir dasar laut terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian. Apakah terdapat aktiviti mengorek pasir secara haram.
19. PR-1432-L09732  
**Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah Pakej Rangsangan Ekonomi yang diumumkan Kerajaan dalam mendepani pandemik COVID-19 memberi kesan kepada kewangan negara.
20. PR-1432-L09393  
**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengenai agihan bantuan menerusi Tabung Prihatin YKN-JKM yang dilancarkan Februari lalu selepas bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehinggalah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).
21. PR-1432-L09454  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan dapat menampung perbelanjaan pengurusan, jumlah defisit fiskal yang akan meningkat, imbangan perdagangan serta perkhidmatan dan adakah Kerajaan akan mengalami defisit akaun semasa buat kali pertama. Berikutan semua ini, adakah status penarafan kredit antarabangsa akan terjejas.

22. PR-1432-L08932

**Puan Hajah Natrah binti Ismail [ Sekijang ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah kesan positif yang dilihat daripada perancangan pihak Kerajaan dalam penstrukturan semula '*National Feedlot Corporation*' (NFC) bagi memastikan bekalan daging lembu yang mencukupi agar negara tidak lagi bergantung kepada bekalan daging import.

23. PR-1432-L09324

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan jumlah pengeksportan '*durian frozen whole fruit*' ke negara China sejak bulan Mei 2019 hingga bulan Jun 2020. Nyatakan mengikut bulan, tan dan nilai harga.

24. PR-1432-L10034

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [ Lumut ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan akan melakukan pindaan hukuman terhadap kanun jenayah atas kesalahan memandu dalam keadaan mabuk sehingga menyebabkan kematian.

25. PR-1432-L09267

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk memastikan capaian internet dengan kelajuan tinggi di Sabah akan tersebar luas terutama dengan penggunaan '*fibre optic*' dan bilakah Sabah akan mendapat lebih banyak spektrum supaya lebih banyak saluran radio boleh diwujudkan.

26. PR-1432-L08727

**Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status projek pembangunan semula sekolah daif di Sarawak terutama sekolah-sekolah yang terletak di kawasan Hulu Rajang.

27. PR-1432-L09030

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan pemohon Bantuan Prihatin Nasional (BPN) yang diluluskan dan nyatakan pecahan mengikut negeri dan kaum.

28. PR-1432-L09770  
**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Damansara ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan terkini perjanjian jual beli saham Bandar Malaysia Sdn. Bhd :-
- (a) apakah bayaran yang telah diterima, syarat-syarat yang telah dan belum dicapai; dan
  - (b) apakah bayaran seterusnya yang akan diterima dan bila serta apakah perbelanjaan penajaan Bandar Malaysia Open 2020.
29. PR-1432-L09597  
**Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [ Pulai ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan :-
- (a) status '*soft landing*' pengharaman pukut tunda ; dan
  - (b) status pemutihan lesen nelayan.
30. PR-1432-L09503  
**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah pemandu dan kemalangan di mana pemandu di bawah pengaruh alkohol.
31. PR-1432-L09603  
**Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah perjanjian Projek Sistem Transit Rapid (RTS) antara Bukit Chagar, Johor Bahru dan Singapura dapat ditandatangani, tarikh jangka mula dan jangka siap pembinaan, kos pembangunan keseluruhan dan cara pembiayaan projek tersebut secara terperinci.
32. PR-1432-L08902  
**Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [ Segambut ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan butiran berkaitan pertukaran Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara dan Pengerusi LPPKN termasuk sebab pertukaran, perbandingan proses pelantikan baru ini dengan yang dibuat oleh mantan Menteri, gaji, elaun dan kelayakan mereka yang baru dilantik ini.

33. PR-1432-L09499  
**Dr. Ong Kian Ming [ Bangi ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian akan menyiasat tuduhan perkauman yang serius terhadap pelajar dan kakitangan dari Afrika di Universiti Lim Kok Wing yang telah dilaporkan secara meluas dalam media sosial dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk melindungi 'reputasi' sektor pendidikan tinggi di Malaysia.
34. PR-1432-L09653  
**Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai aset-aset negara termasuk Khazanah yang telah dijual dari Mei 2018 hingga Februari 2020 serta jelaskan pembeli-pembeli tersebut dan sebab sebenar tindakan perjualan tersebut dilakukan.
35. PR-1432-L08903  
**Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [ Segambut ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah mekanisma penyediaan dan pembekalan bahan pencuci tangan (*handwash*) di semua sekolah bagi memastikan bekalan yang mencukupi dan berpanjangan bagi melawan COVID-19 serta berapa jumlah peruntukan yang disediakan untuk tujuan tersebut.
36. PR-1432-L09355  
**Datuk Robert Lawson Chuat [ Betong ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah usaha dan hala tuju Kementerian bagi meningkatkan pengeluaran ternakan ruminan seperti lembu dan kambing di Malaysia. Nyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada negeri Sarawak bagi meningkatkan pengeluaran ternakan ruminan pada RMK-11 yang berakhir pada tahun ini.
37. PR-1432-L08839  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapa peruntukan untuk Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi menurun daripada RM1.577 bilion pada tahun 2015 kepada hanya RM506.46 juta untuk tahun 2019 dan RM670.12 juta untuk tahun 2020 hinggakan Kementerian tidak dapat lagi memberikan geran tanam semula kelapa sawit dan terpaksa menaikkan cukai ses minyak sawit daripada RM13.00 satu tan metrik ke RM14.00 satu metrik tan.

38. PR-1432-L09971  
**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status menggalakkan lebih ramai pelajar memasuki Kelas Aliran Agama (KAA) sehingga peringkat SPM terutamanya di Lembah Klang.
39. PR-1432-L08995  
**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan pembelajaran para pelajar, terutama sekali di kawasan luar bandar dan pedalaman tidak terjejas dan keciciran akibat penularan wabak COVID-19.
40. PR-1432-L09414  
**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian terhadap tiga muka surat pengenalan Jawi dalam sukatan buku teks Bahasa Melayu darjah 4 SJKC dan SJKT.
41. PR-1432-L08910  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan alasan untuk memperkenalkan semula PPSMI (Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris) dan apakah penambahbaikan yang akan dibuat untuk mengatasi kelemahan-kelemahan PPSMI terdahulu.
42. PR-1432-L09114  
**Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan kesan-kesan virus COVID-19 dari hidupan liar seperti spesies kelawar dan tenggiling di mana spesies-spesies ini juga terdapat di Malaysia. Mengikut maklumat dari Negara China, punca awal wabak ini adalah berasal daripada hidupan liar seperti spesies kelawar dan tenggiling. Adakah virus ini boleh didapati pada hidupan liar di negara kita dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam memantau virus dalam populasi hidupan liar di negara kita.
43. PR-1432-L08999  
**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan terkini ekonomi dan fiskal negara serta apakah kesan penularan wabak COVID-19 terhadap perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan negara.

44. PR-1432-L09428

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tentang langkah yang diambil atas permintaan para pelajar untuk menurunkan yuran pembelajaran. Hal ini kerana pelajar tidak menggunakan kemudahan yang disediakan oleh pihak universiti dan pembelajaran atas talian tidak efektif berbanding dengan kelas secara fizikal. Dengan keadaan ekonomi yang semakin merosot, sesetengah pelajar tidak mampu membayar yuran yang tinggi itu.

45. PR-1432-L08949

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak kewangan kepada Malaysia melalui rantai bekalan global, aktiviti pelaburan dan saluran kewangan terutamanya dalam bidang perdagangan luar memandangkan prestasi ekonomi bagi kebanyakan rakan dagang kita telah terjejas akibat COVID-19.

46. PR-1432-L09246

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan :-

- (a) jumlah aduan berkaitan peningkatan bil elektrik selepas menjalankan semula bacaan meter selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP); dan
- (b) apakah punca bil elektrik terlalu tinggi dan bagaimana Kementerian menjelaskan kaedah pengiraan penggunaan elektrik kepada rakyat.

47. PR-1432-L09282

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan dasar semasa Kerajaan mengenai hal pengeluaran permit eksport untuk pelbagai jenis pasir dan minta disenaraikan jumlah dan nama pemegang permit ini dan negeri di mana mereka mengumpul pasir ini.

48. PR-1432-L09471

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [ Pandan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menyediakan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dalam kalangan mereka yang bekerja sendiri yang dianggarkan seramai 2.7 juta orang pada tahun 2019 yang terjejas akibat daripada wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

49. PR-1432-L09838  
**Puan Vivian Wong Shir Yee [ Sandakan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci berapakah dari jumlah RM280 billion pakej rangsangan COVID-19 yang diumumkan adalah yang dibiayai dengan meminjam dan bagaimana kesannya terhadap tahap hutang negara sebagai peratusan daripada GDP negara kita.
50. PR-1432-L09165  
**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah bagaimana Kerajaan menangani masalah pengurangan pendapatan negara daripada hasil petroleum akibat kejatuhan harga minyak mentah dunia.
51. PR-1432-L09093  
**Puan Noorita binti Sual [ Tenom ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian sebagai persediaan kepada pembukaan sektor pengangkutan udara dan industri pelancongan mengikut SOP dalam fasa pemulihan COVID-19 di Malaysia agar ianya tidak dilihat merencatkan pemulihan industri pelancongan.
52. PR-1432-L09435  
**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk memelihara khazanah hutan negara.
53. PR-1432-L10006  
**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Port Dickson ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dasar pengambilan Ahli-ahli Parlimen dilantik menjadi pengerusi berbagai syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan kewajaran pelantikan mereka menggantikan profesional yang ahli dalam bidangnya.
54. PR-1432-L09105  
**Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan situasi program Selamatkan Harimau Malaya di mana harimau merupakan simbol kegagahan serta kebanggaan negara kita. Hidupan liar negara kita, terutamanya Harimau Malaya dan tenggiling diancam kepupusan. Apakah langkah-langkah Kerajaan dalam menangani gejala perdagangan haram hidupan liar di Malaysia, terutamanya perdagangan atas talian. Bilakah undang-undang yang sedia ada akan diperkukuhkan.

55. PR-1432-L09273

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Pasukan Khas bagi mengkaji dan meneliti semula aset-aset Kerajaan yang telah dijual untuk dibeli balik.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [ Pontian ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Keempat Belas. "

**Menyambung semula perbahasan atas masalah (14 Julai, 2020)**

- |    |   |                               |
|----|---|-------------------------------|
| 2. | ( D.R 37/2019 ) Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) 2019 | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|----|---|-------------------------------|

**[ Menteri Kesihatan ]**

- |    |  |   |
|----|--|---|
| 3. | ( D.R 42/2019 ) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2019 | " |
|----|--|---|

**[ Perdana Menteri ]**

- |    |   |   |
|----|---|---|
| 4. | ( D.R. 25/2019 ) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 | " |
|----|---|---|

**[ Perdana Menteri ]**

5. PR-1432-UL064  
**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** akan mencadangkan :-

"BAHAWA mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Pilihan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.10 Tahun 2019 hendaklah diterima dan dipersetujui."

6. PR-1432-U(27)116

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa usul kewarganegaraan. Menyedari hakikat bahawa terdapat pelbagai pengakuan melalui sesi-sesi pendengaran awam oleh pelbagai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tentang penglibatan mereka dalam pemberian kad-kad pengenalan secara haram di Sabah dan menerima laporan pelbagai kajian di Sabah yang mendapati pengakuan responden pernah membayar pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran sebagai sogokan untuk mengeluarkan kad-kad pengenalan secara haram dan menerima hakikat bahawa terdapat kadar pertumbuhan yang sangat luar biasa di negeri Sabah yang dengan sendirinya membuktikan bahawa adanya pemberian kad-kad pengenalan secara haram dan rasuah. Dan menerima hakikat bahawa Ketua Audit Negara Tahun 2018 telah melaporkan bahawa terdapat 100,000 pelancong daripada negara China dan India yang datang ke negara ini tetapi didapati tidak ada rekod balik ke negara asal. Dan demi untuk membersihkan daftar penduduk warganegara Malaysia di Sabah maka Dewan Yang Mulia ini dengan ini membuat keputusan bahawasanya kad-kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah ditukar dengan kad pengenalan yang baru di mana setiap penduduk yang mempunyai kad pengenalan hendaklah memohon untuk mendapatkan kad pengenalan yang baru ini dengan menggunakan dokumen-dokumen seperti surat atau sijil beranak yang sah. "

**[ Perdana Menteri ]**

7. PR-1432-U(27)114

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

**[ Menteri Perpaduan Negara ]**

8. PR-1432-U(27)115

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

9. PR-1432-U(27)119

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan dari mana diperoleh peruntukan mengurus dan merangsang ekonomi semasa pandemik COVID-19 hingga sekarang yang berjumlah lebih dari RM250 bilion itu. Ini adalah kerana peruntukan ini melebihi kemampuan kewangan negara yang dianggarkan sekitar RM200 bilion sahaja. Kerajaan Pakatan Harapan dahulu pula menyatakan bahawa kedudukan kewangan Kerajaan adalah kritikal dengan hutang negara melebihi RM1 trilion."

**[ Menteri Kewangan ]**

10. PR-1432-U(27)120

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya merancang pembinaan jeti Kuala Perlis yang baru kerana pada masa ini jeti tersebut mengalami mendapan yang tinggi (6 meter setahun) dan telah mengganggu kelancaran perjalanan feri-feri penumpang, kapal-kapal kargo dan bot-bot ikan yang mana telah menjejaskan ekonomi negara. Pembinaan jeti ini dicadang dibina 3km dari muara Kuala Perlis yang juga boleh berfungsi sebagai halangan kepada kemasukan penyeludup-penyeludup dan pendatang asing tanpa izin. Jeti ini juga boleh berfungsi sebagai sempadan di lautan."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

11. PR-1432-U(27)121

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membuka semula 'Free Flow 2KM ' di sempadan Wang Kelian Perlis bagi menjana perkembangan ekonomi yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2008. Semasa adanya "Free Flow" ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

12. PR-1432-U(27)122

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap kedudukan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dan telah luput tarikh visa lawatan mereka, berapa jumlah mereka yang telah tamat tempah visa lawatan, apakah usaha-usaha untuk menjejaki mereka dan berapa jumlah mereka yang telah dihantar pulang ke negara masing-masing serta berapa pula yang masih berada dalam negara."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

13. PR-1432-U(27)123

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap Kapal *Coast Guard* China yang berlabuh di Beting Patinggi Ali sejak tahun 2013 lagi di mana kawasan tersebut merupakan kawasan perairan Malaysia yang memberi implikasi bahawa satu pencerobohan telah berlaku keatas kedaulatan negara di samping menjejaskan aktiviti-aktiviti cari gali minyak dan juga perikanan rakyat kita. Ia juga memberi implikasi sebuah negara besar sedang membuli negara kita."

**[ Perdana Menteri ]**

14. PR-1432-U(27)124

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya Akta Pengangkutan Jalan (APJ 1987) dipinda bagi membolehkan pesalah-pesalah pemandu mabuk yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah dan menyebabkan kematian agar dimasukkan klausa memberi hukuman setimpal seperti hukuman mati jika telah menyebabkan kematian."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

15. PR-1432-U(27)126

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya satu peraturan baru diperkenalkan bagi menangani dan mengawal aktiviti pembalakan di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Pembalakan yang tanpa kawalan telah menyebabkan bencana alam yang sering terjadi saban tahun seperti hakisan tanah, banjir dan ketidakseimbangan kepada ekosistem negara."

**[ Menteri Tenaga Dan Sumber Asli ]**

16. PR-1432-U(27)127

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya diwujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru."

**[ Menteri Pertanian Dan Industri Makanan ]**

17. PR-1432-U(27)128

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

**[ Menteri Pendidikan ]**

18. PR-1432-U(27)125

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengisytiharkan kadar pengangguran semasa yang dijangka akan mencecah sehingga 5% dari jumlah tenaga kerja dan apakah perancangan-perancangan khusus Kerajaan bagi menangani kadar pengangguran yang agak tinggi ini. Dengan kadar pengangguran yang tinggi ini ditambah pula dengan jumlah golongan B40 yang juga tinggi boleh memberikan implikasi yang tidak sihat pada ekonomi negara."

**[ Perdana Menteri ]**

19. PR-1432-U(27)117

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan meneliti serta mengkaji suatu kaedah baru untuk meningkatkan keselamatan kad pengenalan serta passport antarabangsa agar ianya tidak mudah untuk sedikit melakukan pemalsuan dokumen tersebut. Menurut laporan yang dikeluarkan Ketua Audit Negara 2018 (Siri 2) bulan Disember 2019 terdapat lebih 100 ribu orang warga asing tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam negara. daripada laporan audit tersebut terdapat seramai 76,258 orang pelancong China dan 39,806 orang pelancong India tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam Malaysia. Dengan kebanjiran warga asing tanpa kawalan dan penjualan dokumen MyKad serta Sijil Kelahiran, membuatkan keselamatan negara berada dalam keadaan yang amat merbahaya."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

20. PR-1432-U(27)118

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan menghantar pulang semua pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pekerja asing berdokumen yang telah tamat tempoh ke negara masing-masing bagi menjamin peluang pekerjaan yang melibatkan rakyat tempatan. Sebelum ini Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) telah mengeluarkan kenyataan bahawa majikan-majikan di negara ini bakal mengurangkan tenaga pekerja sebanyak 50 peratus, justeru keutamaan bagi mengekalkan tenaga kerja perlu tertumpu ke arah pekerja tempatan. Berdasarkan Akta Pekerja 1955, jika berlaku sebarang pengurangan tenaga pekerja oleh pihak majikan, perkhidmatan pekerja asing yang harus ditamatkan terlebih dahulu dan majikan harus mendahului keperluan pengekalan tenaga kerja tempatan. Bagi mengisi kekosongan pekerjaan yang ditinggalkan pekerja asing, Kerajaan perlu mendaftarkan semula tenaga kerja tempatan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan pekerja-pekerja tempatan yang telah diberhentikan kerja oleh majikan-majikan dari negara luar seperti Singapura semasa tempoh COVID-19. Langkah Kerajaan menghantar pulang PATI dan pekerja asing ke negara masing-masing adalah tepat kerana tindakan itu bukan sahaja dapat menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, bahkan dapat mengawal penularan wabak COVID-19 daripada tidak terkawal."

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

21. PR-1432-U(27)129

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [ Langkawi ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Langkawi untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

**[ Perdana Menteri ]**

22. PR-1432-U(27)132

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Pasir Puteh untuk mencadangkan ucapan setinggi-tinggi tahniah

atas perlantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia Yang Ke-8 dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap kepimpinan beliau dan berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya."

**[ Perdana Menteri ]**

23. PR-1432-U(27)131

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut:

Bahawasanya Dewan ini, mengalu-alukan dan menyanjung tinggi serta mengucapkan tahniah atas pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8;

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlah lagi kepimpinan dan menonjolkan keupayaan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang dihormati, penyayang serta perihatin terhadap rakyat;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang gemilang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat negara ini dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah mencetuskan idea dan menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta berjanji memberi komitmen, kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan penuh terhadap YAB Ahli Parlimen Pagoh selaku Perdana Menteri Malaysia; dan

Dengan ini, bahawasanya Dewan ini berdiri teguh serta menyokong sepenuhnya pelantikan dan kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8."

**[ Perdana Menteri ]**

24. PR-1432-U(27)130

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut:

Bahawanya Dewan ini mengalu-alukan pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8 dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang amat cemerlang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan mengambil tindakan yang tepat melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlahkan lagi kepimpinan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepemimpinan yang penyayang, prihatin dan dihormati rakyat;

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta memberikan kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan sepenuhnya terhadap kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri."

**[ Perdana Menteri ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2020</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 4	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia Bagi Tahun 2018	15 Julai 2020
ST. 5	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kelantan Selatan (KESEDAR) Bagi Tahun 2018	15 Julai 2020
ST. 6	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) Bagi Tahun 2018	15 Julai 2020
ST. 8	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp) Bagi Tahun 2018	15 Julai 2020
ST. 10	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) Bagi Tahun 2018	15 Julai 2020
ST. 17	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu Bagi Tahun 2018	15 Julai 2020
ST. 41	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Pemantauan Audit Bagi Tahun 2019	15 Julai 2020
ST. 46	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan LGM Properties Corporation (LGMP) Bagi Tahun 2016	15 Julai 2020

**\*\*UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 15.07.2020 (Rabu)	1. YB Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)	1. Bekalan Air Negeri Melaka	1. YB Menteri Alam Sekitar Dan Air
2. 15.07.2020 (Rabu)	2. YB Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)	2. Kelewatan dalam Penghantaran Bungkusan oleh Pos Malaysia di Sabah dan Sarawak	2. YB Menteri Komunikasi Dan Multimedia

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**